

# DTC diinsurans

UM 3 JUL 2001

Oleh YUSRI SAHAT

**K**UALA LUMPUR 2 Julai — Dewan Tunku Canselor (DTC) Universiti Malaya (UM) yang terbakar awal pagi Jumaat lalu, telah diinsuranskan dengan nilai premium RM17 juta setahun.

Pegawai Kewangan Pejabat Bendahari UM, Baharin Salim berkata, bangunan berusia 35 tahun itu diin-

suranskan bersama-sama dua bangunan lain iaitu Bangunan Canselor dan Pejabat Bendahari.

“Ketiga-tiga bangunan berkenaan diinsuranskan dalam satu pakej,” katanya kepada *Utusan* ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau mengulas kejadian kebakaran DTC yang berlaku dua hari sebelum Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menu-

tup Simposium Penegasan Arah Tujuh Idealisme Mahasiswa di Alaf Baru yang dijadualkan di dewan itu.

Baharin memberitahu, pihaknya masih menilai jumlah kerugian sebenar yang dialami berikutan kebakaran dewan bersejarah itu.

“Hasil siasatan awal yang dilaporkan dalam sebuah media adalah RM28 juta,” katanya sambil menambah anggaran itu mungkin tidak tepat.

## RM17j setahun

Menurutnya, kerja-kerja membaik pulih bangunan itu akan dilakukan tidak lama lagi selepas siasatan terhadap punca kebakaran itu selesai.

Katanya, kerja-kerja penilaian kerugian dan membaik pulih semula bangunan itu akan dijalankan oleh Bahagian Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda UM.

Dalam pada itu, Baharin menam-

bah, pakej insurans bagi setiap bangunan di universiti itu sentiasa diperbaharui setiap tahun.

Katanya, kos insurans yang diperbaharui sentiasa meningkat bergantung kepada peralatan yang terdapat dalam bangunan terbabit.

“Jika peralatan dalam bangunan itu diganti baru dan lebih mahal bermakna kos insurans juga akan lebih tinggi,” jelasnya.

Beliau memberitahu, semua bangunan termasuk asrama telah diinsuranskan menerusi pakej-pakej yang berlainan.

Bagaimanapun, Baharin menjelaskan, langkah menginsuranskan setiap bangunan di universiti itu bukan satu syarat yang perlu dipatuhi. Beliau juga difahamkan langkah yang sama turut diambil oleh universiti tempatan lain terhadap bangunan-bangunan mereka.